

Subjek yang dipelajari semasa latihan :

Sains Asas
Sains Tingkahlaku
Sains Pergigian
Sains Klinikal
Pengurusan Kesihatan
Teknologi Maklumat
Sains Pengkayaan

Taraf Kelulusan :

Diploma Kejururawatan Pergigian

Prospek Kerjaya

Pelatih-pelatih yang tamat latihan dengan jayanya akan dianugerahkan Diploma Kejururawatan Pergigian dan wajib berkhidmat dengan kerajaan selama 5 tahun.

Tanggagaji :

Gaji permulaan : Gred U8 P1 T6 - RM 1,072.50 (tertakluk kepada perubahan semasa).

Lain-lain Faedah :

1. Lantikan tetap dan berpencen.
2. Pakaian seragam dan kasut percuma.
3. Cuti tahunan.
4. Kemudahan khidmat perubatan dan pergigian percuma.
5. Skim pinjaman perumahan.
6. Latihan dalam perkhidmatan.
7. Skim pinjaman pembelian komputer.

Penempatan :

1. Klinik Pergigian di Hospital Kerajaan.
2. Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan.
3. Klinik Pergigian Sekolah.
4. Pasukan Pergigian Bergerak.



Kursus Pos Basik

- (i) Kursus Pergigian Pediatrik
- (ii) Kursus Ortodontik

Kursus tersebut dijalankan selama 6 bulan sepenuh masa melalui 3 fasa :-

- Fasa I - Selama 1 bulan di SLPM
Fasa II - Selama 4 bulan di Klinik-klinik Pakar berkenaan.
Fasa III - Selama 1 bulan di SLPM.

Prospek Kerjaya

- i) Jururawat Pergigian U8** yang telah berkhidmat selama 5 tahun, layak memohon untuk kenaikan pangkat melalui temuduga untuk jawatan kanan Gred U7 hingga ke Tingkatan Tertinggi Gred U6, U5, dan U4, tertakluk kepada prestasi.
- ii) Jururawat Pergigian di Klinik Pergigian Pakar :** Dengan kemahiran khas setelah menjalani Kursus Pos Basik.

iii) Pengajar di SLPM

Setelah menjalani Kursus Pengajar selama 1 tahun akademik di Institusi yang ditetapkan.



Sekolah Latihan Pergigian, Pulau Pinang

Kerjaya dalam bidang PERGIGIAN



JURURAWAT PERGIGIAN

Unit Penggalakan Kesihatan Pergigian,
Bahagian Kesihatan Pergigian,
Kementerian Kesihatan Malaysia
MOH / K / GIG / 2.2000 (PT)

Sekiranya anda seorang yang prihatin, penyabar, menyukai kanak-kanak serta berupaya berkomunikasi dengan baik, anda dipelawa memohon untuk mengikuti latihan **Jururawat Pergigian**.



Jururawat Pergigian sedang memberi latihan memberus gigi kepada murid-murid sekolah rendah.

Deskripsi Tugas

- Membuat pemeriksaan dan rawatan pergigian untuk kanak-kanak dan murid-murid yang berumur tidak melebihi 17 tahun.
- Melibatkan diri di dalam semua aktiviti Penggalakan Kesihatan Pergigian termasuk menyediakan bahan-bahan pandangdengar serta menjalankan aktiviti promosi kesihatan pergigian melalui ceramah / pameran / kempen dan lain-lain.
- Bertugas di dalam Pasukan Pergigian Bergerak.
- Berhubung dengan Guru Besar / Guru-guru serta Ketua Kampung.
- Berhubung dengan orang awam.

Kelayakan

Umur :

Calon-calun hendaklah berumur di antara 17 - 24 tahun.

Jantina : Perempuan dan belum berkahwin.

Kelulusan :

Sijil Pelajaran Malaysia ATAU yang setaraf dengannya serta mempunyai kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sains, Matematik dan dua mata pelajaran lain. Calon yang lulus dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

Kebolehan / Kemahiran :

- Boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kebolehan bertutur dalam bahasa lain adalah suatu kelebihan.
- Mempunyai ketangkasan tangan yang baik (good manual dexterity).
- Mempunyai pengetahuan mengguna komputer.

Fizikal :

Sederhana tinggi
Sempurna pancaindera serta anggota.

Kerakyatan : Warganegara Malaysia.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)

- Pembantu Pembedahan Pergigian yang telah disahkan di dalam jawatan atau calon dari perkhidmatan awam / badan-badan berkanun.
- Berumur tidak melebihi 45 tahun.
- Mempunyai kelayakan seperti di atas.

Cara Memohon

Borang permohonan boleh diperolehi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Calon-calun yang berjaya akan menjalani latihan selama 3 tahun di Sekolah Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang.

Elaun Biasiswa

Pelatih akan diberi elaun biasiswa dan tempat tinggal di asrama yang beryuran.



Jururawat Pergigian sedang memberi rawatan pergigian di surgeri SLPM.

Struktur Kursus

Tempoh Latihan : 3 tahun.

TAHUN 1 DAN 2

Lokasi Latihan :

Sekolah Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang.

Semester I, II, III, IV : Teori dan Latihan Amali.

TAHUN 3

Lokasi Latihan : Pusat Latihan Amali di negeri-negeri / daerah dan di SLPM.

Semester V : Latihan Klinikal dan kerja Projek.

Semester VI : Teori / Latihan Klinikal.